

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [PANDAN]**

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perkembangan terkini Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur (Pelan) yang telah dilancarkan pada 16 Januari 2020 serta siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk memantau pelaksanaan pelan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan meneruskan usaha melalui pelaksanaan program dan tindakan di bawah Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur (Pelan) bagi tahun 2020 sehingga 2025. Satu Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu telah bersidang pada 24 Ogos 2020 yang lepas bertujuan memantau perkembangan program dan tindakan bagi setiap strategi di bawah Pelan.

Menerusi pemantauan Jawatankuasa Pemandu terhadap pelaksanaan 58 program dan tindakan yang telah dirancang, terdapat 35 program telah bermula, manakala 23 program lagi belum bermula. Pelaksanaan program dan tindakan yang telah bermula dibuat sama ada melalui program baharu, program sedia ada ataupun menambah baik kepada program sedia ada. Antara program dan tindakan yang telah bermula adalah:

- i. latihan kemahiran dan program keusahawanan sedia ada di bawah Jabatan Pembangunan Wanita;
- ii. pendidikan *Sexual Reproductive Health* (SRH) kepada pelajar melalui program-program di sekolah di bawah anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN); dan
- iii. pendidikan TVET dan program kemahiran kepada kanak-kanak yang tercir daripada pendidikan di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Kementerian kini juga sedang dalam tindakan membangunkan pelan komunikasi di samping merangka program advokasi secara menyeluruh sepanjang tempoh lima (5) tahun pelaksanaan Pelan. Kementerian akan terus komited untuk mengadakan sesi libat urus secara berterusan khususnya bersama semua pihak yang berkepentingan yang sehingga kini masih mengamalkan perkahwinan bawah umur.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada penubuhan Jawatankuasa Pemandu di peringkat Kementerian yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian, Agensi peneraju hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal bagi setiap strategi dan mengemukakan maklum balas status pelaksanaan secara berkala kepada urus setia dan sebarang isu-isu pelaksanaan akan dibincangkan terdahulu di platform *pre-council* sebelum mesyuarat Jawatankuasa Pemandu diadakan.

Sekian, terima kasih.